

Perkhidmatan Tindak Balas Kecemasan

Pengesanan & Bantuan Kecemasan Global


Mentor oleh eDrivingSM terus memperluas komitmennya untuk membantu pemandu pulang dengan selamat kepada orang tersayang pada penghujung setiap hari dengan memperkenalkan **Perkhidmatan Tindak Balas Kecemasan** yang diupayakan oleh Sfera & Bosch.

Teknologi pengesanan nahas bersepadu yang dipatenkan oleh Sfera mengenal pasti pelanggaran secara automatik dengan **ketepatan yang terbaik dalam industri** dan awasan palsu yang minimum. Ejen Bosch yang berdedikasi di seluruh dunia mempermudah proses tindak balas kecemasan yang sangat cepak untuk menghantar bantuan dan/atau membantu pemandu kembali beraksi di jalan raya. Melalui ciri Personal SOS, bantuan global yang sama ini tersedia kepada individu setiap kali mereka berasa tidak sihat atau bimbang akan keselamatan mereka. Penyelesaian bersepadu Mentor melambangkan pendekatan holistik yang pada akhirnya menjangkau lebih daripada keselamatan diri untuk merangkumi bantuan pemandu & kenderaan di tepi jalan, serta pengurusan kemalangan & tuntutan.

Pengesanan Nahas yang Jitu

20 – 50 juta kecederaan berkaitan nahas berlaku di seluruh dunia setiap tahun¹, yang sering kali menyebabkan pemandu terkandas atau lebih teruk lagi, tidak sedarkan diri dan tidak dapat meminta pertolongan sedangkan setiap saat amatlah berharga. Kini, **Pengesanan Nahas Automatik**, yang terbina dalam MentorSM, melindungi pekerja dan kontraktor anda 24/7 daripada situasi sebegini sekiranya nahas berlaku ketika memandu bagi tujuan kerja. Teknologi berasaskan telefon pintar sepenuhnya yang dipatenkan oleh Sfera mengesan pelanggaran dan mencetuskan panggilan suara kepada pemandu dari Pusat Kecemasan Bosch yang beroperasi di lebih 50 negara dan mengendalikan lebih 1.7 juta panggilan kecemasan di seluruh dunia setiap tahun. **Sekiranya tiada tindak balas daripada pemandu atau pengesanan kecemasan, maklumat peristiwa akan disampaikan kepada perkhidmatan kecemasan tempatan untuk penghantaran bantuan serta-merta ke tempat kejadian.** Orang hubungan yang diluluskan dalam Profil Kecemasan Mentor pemandu (contohnya waris terdekat, majikan dll.) juga akan diberitahu.

¹Pertubuhan Kesihatan Dunia



Perlindungan keselamatan data, dengan privasi diutamakan

Selaras dengan pendekatan Mentor oleh eDriving, Perkhidmatan Tindak Balas Cepat Kecemasan Sfera & Bosch mengutamakan perlindungan privasi pemandu. Tidak seperti perkhidmatan berasaskan awan yang menghantar data setiap pergerakan dan tindakan pemandu untuk dianalisis bagi mengesan kewujudan peristiwa risiko, Perkhidmatan Tindak Balas Cepat Kecemasan menggunakan pemrosesan "pada peranti" yang dipatenkan, dengan menghantar hanya data peristiwa ke awan bagi tujuan pemberitahuan dan tindak balas.

Keselamatan diri lanjutan di hujung jari anda

Ciri **Personal SOS, yang diupayakan oleh Sfara dan Bosch**, membolehkan pekerja atau kontraktor memulakan panggilan kecemasan secara senyap ketika memandu, menghantar barangan dari **kenderaan** mereka, berjalan kaki, atau menaiki pengangkutan awam – setiap kali mereka berasa tidak sihat atau bimbang keselamatan diri mereka terancam.

Sekiranya **tiada tindak balas daripada pemandu atau pengesahan kecemasan yang aktif**, maklumat peristiwa akan disampaikan kepada perkhidmatan kecemasan tempatan untuk **penghantaran bantuan serta-merta** ke tempat kejadian.

Ketepatan dan keandalan yang terbaik dalam industri

Teknologi "lakuran sensor" telefon pintar Sfara menggabungkan data daripada sensor telefon pintar dan menggunakan kecerdasan buatan (AI) natif yang "dilatih" melalui ribuan kemalangan dan kejadian nyaris untuk memastikan tahap tertinggi bagi pengesanan peristiwa yang tepat. Algoritma AI yang canggih menyingkirkan peristiwa "positif palsu" yang mungkin menyebabkan penghantaran tanpa sengaja kakitangan sokongan untuk peristiwa bukan kecemasan, seperti jalan berlubang, pintu yang dihempas, dan/atau terlanggar bebendul jalan. Peristiwa "positif palsu" berjaya ditindas **lebih 99%** masanya, sekali gus memastikan kakitangan kritikal akan tersedia dan dipanggil hanya untuk kecemasan sebenar. Rangkaian IT global Bosch yang lewah sepenuhnya memastikan lebih 1.7 juta panggilan masuk berjaya sampai dengan cepat kepada ejennya setiap tahun – kerana masa adalah penting!

eDriving + Sfara + Bosch = Gabungan yang berkuasa

Melalui revolusi pengurusan risiko pemandu selama 25+ tahun, **eDriving** ialah rakan niaga pilihan yang dipercayai bagi banyak kumpulan Jualan, Perkhidmatan, dan Penghantaran yang terbesar di dunia, menyokong lebih 1.2 juta pemandu di 125 negara dengan penyelesaian pengurusan risiko pemandu digital yang banyak memenangi anugerah. Sebagai rakan niaga industri automotif yang dihormati selama lebih 125 tahun, **Bosch** melindungi lebih 20 juta kenderaan dengan platform perkhidmatan pengurusan kecemasan globalnya. **Sfara** menyediakan teknologi AI yang dipatenkan dengan ketepatan dan kepantasan yang terbaik dalam industri untuk menghubungkan pengguna Mentor dengan perkhidmatan penghantaran Bosch yang boleh menyelamatkan nyawa. Trio berkuasa yang didukung oleh pengalaman dan kepakaran, komited untuk membantu pemandu pulang dengan selamat pada penghujung setiap hari dan menyokong pemandu ketika mereka memerlukannya.

Manfaat

- **Ketenangan fikiran untuk majikan DAN pemandu**
- **Liputan 24 x 7 x 365**
- **Keandalan panggilan yang tiada tandingan** – rangkaian IT global yang lewah sepenuhnya
- **Tersepadu sepenuhnya dalam Mentor** – penyelesaian aplikasi tunggal
- **Sokongan global** – > 50 negara, 20 bahasa
- **Pengesanan nahas masa nyata**
- **Ketepatan pengesanan nahas yang terbaik dalam industri**
- **Tahap perlindungan privasi pemandu yang paling tinggi**
 - Data diproses dengan selamat secara setempat di telefon
 - Tiada maklumat yang boleh mengenal pasti diri atau data penjejakan dihantar tanpa izin terlebih dahulu
- **Pilihan SOS untuk kecemasan peribadiemergencies**
- **Penggunaan bateri yang rendah**

*Nama dan logo Bosch merupakan tanda dagang Bosch dan digunakan dengan izin. Nama dan logo Sfara merupakan tanda dagang Sfara Inc. dan digunakan dengan izin.